

02 JUL 1996

MENTERI LUAR MEXICO BERLEPAS KE JAKARTA

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Mexico Dr Angel Gurria hari ini berlepas ke Jakarta selepas mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke negara ini bagi meningkatkan hubungan dua hala.

Semasa lawatan itu, beliau mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berbincang dengan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengenai isu dua hala, pelbagai hala dan antarabangsa demi kepentingan bersama.

Malaysia dan Mexico mencapai persetujuan antara lain untuk menandatangani perjanjian mengelakkan cukai dua kali dan perjanjian jaminan pelaburan bagi meningkatkan perdagangan dan pelaburan dua hala.

Dr Gurria akan melawat Thailand, Singapura dan Jepun selepas lawatan ke Indonesia. -- BERNAMA

AFY FAZ